



Pihak Berkuasa Kawalan Dadah  
Drug Control Authority  
**KEMENTERIAN KESEHATAN MALAYSIA**  
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

No Ruj : (29) dbn. BPFK /02/5 /1-3

Tarikh : 20.07.04

KEPADA :

**SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN DAN PERSATUAN YANG BERKENAAN**

Tuan/Puan,

**Per : PERINGATAN UNTUK MENGEMASKINI MAKLUMAT/DATA PRODUK (PRODUCT UPDATING)**

Adalah saya diarah merujuk kepada surat pekeliling yang pernah diedarkan pada 2 September 2003 dahulu mengenai perkara diatas.

2. Sehubungan ini dimaklumkan sekali lagi bahawa selaras dengan pelaksanaan sistem komputer QUEST 2 bagi tujuan pendaftaran, pihak tuan/puan adalah bertanggungjawab untuk mengemaskini maklumat/data produk yang telah berdaftar.
3. Pemantauan pihak kami mendapati bahawa setakat ini peratusan yang kecil sahaja pemegang pendaftaran telah mengambil tindakan untuk mengemaskini produk masing-masing.
4. Bagi mereka yang masih belum berbuat demikian, adalah dinasihatkan supaya melakukannya secepat mungkin dan jangan menunggu sehingga saat-saat akhir. Untuk makluman tuan/puan, proses mengemaskini produk akan hanya dilanjutkan sehingga 31 Disember 2004.
5. Untuk memastikan sistem QUEST 2 berjalan lancar, kerjasama dan sokongan semua pihak yang terlibat adalah sangat dihargai. Sekiranya pihak tuan/puan menghadapi masalah berkaitan dengan proses tersebut, sila hubungi pihak kami.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "  
"UTAMAKAN KUALITI, EFIKASI DAN KESELAMATAN"

Saya yang menurut perintah,

(EISAH BINTI A. RAHMAN)

Setiausaha

Pihak Berkuasa Kawalan Dadah  
Kementerian Kesihatan Malaysia